

Penduduk Asli 'Pulau Carey buat pilihan bijak

UM 19 JUN 2003

BAGI kira-kira 800 penduduk Orang Asli di Pulau Carey, Kuala Langat, tidak ada pihak yang dapat membela nasib mereka melainkan UMNO.

Ini kerana janji yang ditaburkan oleh UMNO sentiasa dikota dan semua permasalahan penduduk diselesaikan tanpa kerenah.

Malah yang lebih besar, UMNO Selangor di bawah pimpinan Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Dr. Mohamad Khir Toyo sentiasa memberi perhatian terhadap pembangunan di kawasan penduduk Orang Asli, Pulau Carey.

Pembangunan itu meliputi sekolah untuk anak-anak Orang Asli, jalan raya, bekalan air bersih dan yang terbaru bekalan elektrik.

Jika dulu ramai kalangan anak-anak Orang Asli tidak bersekolah, kini keadaan itu sudah berubah sama sekali.

Mereka turut mendapat pendidikan seperti penduduk lain.

Pembelaan terhadap penduduk Orang Asli di Pulau Carey telah meyakinkan penduduk bahawa mereka sentiasa diberi pembelaan, malah sekali-kah tidak di-anaktirikan.

Atas dorongan yakin serta percaya bahawa hanya UMNO sahaja tempat untuk mengadu dan dapat memperjuangkan hak mereka, penduduk Orang Asli lima buah kampung di Pulau Carey mengambil keputusan untuk menyertai UMNO serta menubuhkan cawangan baru.

Ketua UMNO Bahagian Kuala Langat, Datuk Abdul Fatah Iskandar berkata, lima kampung itu ialah Seri Rambai, Sungai Kurau, Sungai Kepau Laut, Sungai Bumbun dan Sungai Judah.

Menurutnya, kesemua Tok Batin dari lima kampung Orang Asli di situ mengambil keputusan untuk menyertai UMNO.

Berikutan itu, seramai 301 Orang Asli dari lima kampung tersebut telah menyertai UMNO. Ini satu perkembangan yang amat memberangsangkan.

Kesemua Tok Batin dari lima buah kampung berkenaan pula dilantik sebagai Ketua Penaja berikutan penubuhan cawangan baru UMNO itu," katanya.

Berikutan itu, satu majlis penyerahan borang keahlian telah diadakan di balai raya Kampung Sungai Bumbun yang turut melibatkan penyerahan borang ke-

ahlian dari enam cawangan baru yang lain.

Menjawab pertanyaan, Abdul Fatah berkata, usaha menarik penyertaan Orang Asli ke dalam UMNO telah dilakukan sejak kira-kira setahun lalu.

"Bagaimanapun disebabkan ada pihak yang tidak bertanggungjawab menghasut mereka, proses itu agak lambat.

"Melalui penerangan dan maklumat yang betul, kita akhirnya dapat menyakinkan mereka bahawa segala hasutan itu tidak benar.

"Kini penduduk Orang Asli di Pulau Carey hanya mahu berpayung di bawah UMNO dan tidak mahu mana-mana parti pembangkang masuk ke kawasan mereka," katanya.

Sementara itu, Tok Batin Kampung Sungai Bumbun, Sidin Bujang, 53, berkata, dia memilih UMNO bukan sahaja disebabkan perjuangan serta matlamatnya yang jelas, malah yakin ia sebagai parti yang mengkotakan janji.

"Perdana Menteri kita Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad adalah ahli UMNO. Oleh itu kenapa kita perlu pilih parti lain selain UMNO.

"Sebab itu drang Asli di sini yang yakin dengan kepimpinan Perdana Menteri memilih untuk menyertai UMNO.

Banyak pembangunan yang telah diusahakan oleh UMNO di sini," katanya.

Tok Batin Kampung Sungai Kepau Laut, Zamzam Abdullah, 46, berkata, keprihatinan pemimpin UMNO yang sering mengambil berat permasalahan penduduk Orang Asli menjadi antara faktor yakinnya Orang Asli terhadap perjuangan UMNO.

"Banyak kemudahan yang diperlukan oleh penduduk di sini terus disalurkan. Malah aduan penduduk juga diberi perhatian utama.

"Kami tidak merasa diri ditinggalkan seperti masyarakat lain," katanya.

Bagi Tok Batin Nengkok Mat, 56, sejak Barisan Nasional (BN) memerintah, banyak pembaharuan berlaku di kawasan penduduk Orang Asli Pulau Carey.

"UMNO dilihat sentiasa bersama penduduk Orang Asli untuk membela nasib kami.

"Oleh itu, kami mengambil keputusan untuk menyertai UMNO supaya ikatan antara UMNO dan penduduk Orang Asli terus terjalin dan erat," katanya.